

**SOALAN NO.: 139**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR)**

**SOALAN :**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-**

- (a) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan jalan-jalan pertanian di kawasan-kawasan pekebun kecil di Sepanggar; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk memberikan bantuan benih tanaman seperti buah Durian Baru Baka Matang dan Musang King bagi mengantikan getah sebagai salah satu usaha menyelesaikan masalah harga getah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan kerajaan bagi pembinaan Jalan Ladang Pekebun Kecil Persendirian (JLPK) adalah bertujuan untuk memudahkan para pekebun kecil menghantar hasil pengeluaran ke pusat-pusat pemprosesan agar dapat memperolehi pendapatan yang berpatutan. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan pendalaman dan tidak mempunyai jalan masuk memandangkan peruntukan yang terhad.

Walau bagaimanapun, MPIC sedia menimbang permohonan sekiranya terdapat kawasan-kawasan pekebun kecil komoditi di Sepanggar yang tidak mempunyai akses jalan.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk memberikan bantuan benih tanaman seperti Durian Baru Baka Matang dan Musang King bagi menggantikan getah sebagai salah satu usaha menyelesaikan masalah harga getah. Bagaimanapun, tumpuan Kerajaan adalah ke arah menstabilkan harga getah dan memastikan pendapatan para pekebun kecil getah tidak terjejas. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan termasuk:

- (i) pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) di mana Kerajaan menyediakan insentif apabila harga purata bulanan getah jatuh di bawah PHP RM5.50 sekilogram bagi getah gred SMR 20 *Free on Board* (FOB) atau RM2.20 sekilogram bagi *cuplump*. Langkah ini adalah bertujuan memastikan para pekebun kecil menikmati pendapatan minima sebanyak RM1,100 sebulan dengan purata milikan tanah 2 hektar dan hasil pengeluaran *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun;
- (ii) pelaksanaan Mekanisme Penetapan Harga di Ladang untuk mengurangkan peranan orang tengah dalam urus niaga getah. Bagi maksud ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk melaksanakan urus niaga jual beli getah. Setakat ini, sebanyak 18 buah koperasi sedang terlibat dan mampu menawarkan harga pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen;
- (iii) menyediakan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKHG). Pada tahun 2016, Kerajaan telah menyediakan BKKHG sebanyak RM500 secara *One-Off* bagi meringankan beban pekebun kecil dan penoreh getah di seluruh negara. Sehingga 5 Julai 2016, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah meluluskan pembayaran kepada 47,418 orang pemohon bernilai RM23.7 juta;

- (iv) menggalakkan para pekebun kecil getah menghasilkan lateks dengan menyediakan Infrastruktur Kutipan Lateks di mana peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan. Melalui penghasilan lateks, para pekebun kecil akan meraih peningkatan pendapatan sebanyak 25% berbanding penghasilan *cuplump*; dan
- (v) pengumuman Bantuan Khas Musim Tengkujuh sebanyak RM200 bagi tempoh 3 bulan dalam Bajet 2017 kepada pekebun kecil dan penoreh getah.

Selain itu, Malaysia juga berkerjasama dengan lain-lain pengeluar getah asli iaitu Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Ketiga-tiga negara ini menghasilkan 68% pengeluaran getah asli dunia. Antara langkah yang telahpun dilaksanakan di bawah ITRC termasuk:

- (i) pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) bagi tempoh 10 bulan dari Mac hingga Disember 2016. Di bawah mekanisma ini, ketiga-tiga negara akan menghadkan eksport sebanyak 615,000 tan getah asli bagi tempoh tersebut untuk mengurangkan lebihan bekalan getah asli dalam pasaran dunia; dan
- (ii) memperkuatkkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berasaskan getah dan berkongsi maklumat penyelidikan di

antara negara-negara ITRC. Di samping itu, langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan getah asli dalam negara di samping pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport, antaranya termasuk penggunaan adunan getah bitumen dalam pembinaan jalan raya.

Sekian, terima kasih.